

TAWARAN PENAMBAHAN SYER KOPERASI KPPUMB

SOALAN YANG KERAP DITANYA MENGENAI SAHAM

1. Apakah tujuan tawaran penambahan syer Koperasi KPPUMB?

Koperasi KPPUMB telah menerima banyak permintaan untuk penambahan syer dari anggota-anggotanya. Ada diantara anggota Koperasi KPPUMB yang membuat permintaan untuk penambahan syer sehingga ratusan ribu ringgit. Permintaan dari anggota-anggota ini adalah disebabkan oleh pulangan yang tinggi diberikan oleh Koperasi KPPUMB dalam bentuk dividen iaitu sebanyak 5-6 % bagi tempoh beberapa tahun kebelakangan ini. Setelah mengambil kira permintaan dari anggota-anggota dan selepas mendapat pandangan dari SKM, Koperasi KPPUMB ingin menawarkan penambahan syer kepada semua anggotanya. Untuk berlaku adil kepada semua anggota Koperasi KPPUMB ingin menawarkan syer ini secara sama rata sehingga maksimum RM10,000.

2. Siapakah yang layak memohon syer tambahan Koperasi KPPUMB?

Tawaran penambahan syer ini adalah terbuka kepada semua anggota yang belum mencapai had maksimum pegangan syer sebanyak RM10,000.

3. Adakah semua anggota yang belum mencapai had maksimum pegangan syer RM10,000 wajib menerima tawaran penambahan syer Koperasi KPPUMB ini?

Anggota yang masih belum mencapai had maksimum pegangan syer RM10,000 tidak diwajibkan menerima tawaran penambahan syer ini. Koperasi tidak pernah memaksa anggota-anggotanya untuk menerima tawaran ini. Walau bagaimanapun semua anggota adalah digalakkan untuk menambah syer mereka supaya tidak ketinggalan.

4. Adakah saya perlu mengisi borang khas untuk membuat penambahan syer?

Dimana boleh saya dapatkan borang permohonan tersebut?

Anggota yang berminat perlu mengisi borang khas 'Borang Permohonan Penambahan Syer Koperasi KPPUMB' bagi tujuan penambahan syer. Borang ini boleh diperolehi di pejabat Koperasi KPPUMB, atau, memuat turun melalui laman sesawang Koperasi KPPUMB www.kppumb.com.my.

5. Berapakah jumlah syer tambahan Koperasi KPPUMB yang layak saya pohon?

Anggota boleh merujuk kepada penyata tahunan atau Anggota perlu membuat semakan jumlah syer sedia ada dan jumlah syer yang layak dipohon dengan menghubungi Koperasi KPPUMB di talian 03 – 79493269.

6. Apakah kelebihan jika saya memohon syer tambahan ini?

Anggota yang memiliki syer tambahan ini akan menikmati dividen yang dibayar pada setiap tahun sehingga syer ini dipulangkan apabila anggota bersara atau berhenti daripada Koperasi KPPUMB.

7. Bagaimanakah cara pembayaran yang boleh saya buat?

Kaedah pembayaran bagi syer tambahan ini boleh dibuat seperti berikut:

- a) cek peribadi / bank draf / kiriman wang atas nama Koperasi Pusat Perubatan Berhad.
- b) Anggota juga boleh menandatangani terus ke akaun Koperasi KPPUMB di Bank Islam (No. Akaun: 14171010006100). Bukti bayaran seperti slip deposit beserta borang permohonan boleh dihantar melalui faks, email ataupun ke nombor whatsapp koperasi.
- c) Bagi bayaran tunai, pembayaran hendaklah dibuat di Pejabat Koperasi KPPUMB.
- d) Bagi yang ingin membuat potongan gaji bulanan, borang permohonan mestilah diserahkan Pejabat Koperasi.

8. Berapakah potongan gaji minimum yang boleh dibuat?

Anggota boleh memilih untuk membuat potongan gaji minimum sebanyak RM50 atau RM100. Sekiranya anggota ingin membuat potongan gaji dengan kadar yang melebihi dari jumlah RM50 dan ke atas, permohonan tersebut boleh dimajukan kepada pihak Koperasi KPPUMB.

9. Sekiranya saya telah memilih untuk membuat potongan gaji, bolehkah saya membuat bayaran secara tunai bagi mengenakan had maksimum RM10,000?

Anggota yang telah memilih untuk membuat potongan gaji boleh juga membuat bayaran secara tunai bagi mengenakan had maksimum RM10,000.

10. Bolehkah saya membuat pindahan dari akaun Caruman Yuran bagi tujuan penambahan syer ini?

Anggota tidak boleh membuat pindahan dari akaun Caruman Yuran bagi tujuan penambahan syer ini. Walau bagaimanapun anggota dibenarkan untuk membuat pindahan dari akaun Simpanan Khas bagi tujuan ini.

11. Bilakah saya akan menerima dividen atas syer tambahan ini?

Anggota yang memiliki syer tambahan ini akan menerima dividen semasa pembayaran dividen pada tahun 2021 bagi tahun kewangan berakhir 2020.

12. Adakah dividen akan dibayar atas jumlah syer RM10,000 yang dipohon?

Dividen hanya akan dibayar atas jumlah syer yang terkumpul pada 30 Jun setiap tahun. Sebagai contoh, sekiranya syer pada 30 Jun 2020 berjumlah RM10,000 maka dividen yang akan dibayar adalah atas RM10,000 sahaja. Sekiranya syer berjumlah RM1000 maka dividen akan dibayar berdasarkan jumlah tersebut.

13. Adakah dividen akan dibayar secara prorata?

Dividen tidak akan dibayar secara prorata kepada anggota. Dividen hanya akan dibayar atas jumlah syer yang dimiliki pada 30 Jun dengan syarat keanggotaan tidak terhenti pada 31 Disember.

14. Sekiranya saya tidak mengeluarkan dividen selepas tempoh pengeluaran, apakah yang akan terjadi kepada dividen tersebut?

Dividen atas syer yang tidak dikeluarkan akan dikreditkan ke akaun yuran anggota selepas tamat tempoh pengeluaran yang ditetapkan.

15. Sekiranya saya telah mempunyai RM10,000, bolehkah saya menambah syer saya?

Anggota yang telah mempunyai jumlah syer RM10,000 tetapi masih berminat untuk menambah syer anggota boleh memajukan permohonan tersebut kepada pihak Koperasi KPPUMB.

16. Bilakah tarikh tamat tawaran penambahan syer Koperasi KPPUMB?

Tawaran penambahan syer ini dibuka sehingga 31 Disember 2020.

17. Bolehkah saya menebus sebahagian dari syer saya? Apakah syarat-syaratnya dan bagaimanakah caranya untuk saya menebus syer tersebut?

Menurut Undang-undang Kecil Koperasi KPPUMB, syer seseorang anggota hanya boleh ditebus selepas keanggotaannya dengan Koperasi KPPUMB tamat. Anggota perlu mengisi Borang Pemberhentian Keanggotaan serta Borang Pindah Milik Saham dan memajukan kedua-dua borang tersebut kepada Koperasi KPPUMB. Selepas mendapat kelulusan Lembaga, Koperasi KPPUMB akan mengembalikan jumlah syer tersebut kepada anggota.

18. Sekiranya saya telah menamatkan keanggotaan dengan Koperasi KPPUMB adakah saya layak untuk memohon syer yang ditawarkan ini?

Anggota yang telah menamatkan keanggotaannya dengan Koperasi KPPUMB adalah tidak layak untuk memohon syer yang ditawarkan ini.

19. Sekiranya saya memerlukan maklumat lanjut berkenaan dengan tawaran penambahan sye Koperasi KPPUMB, siapa yang harus saya hubungi?

Anggota-anggota yang memerlukan maklumat lanjut berkenaan dengan tawaran penambahan syer Koperasi KPPUMB bolehlah mengemukakannya melalui email ke admin@kppumb.com.my atau talian 03 – 79493269.